

CNS7307

U GB 18-08 00165 BA818

bah

MASYARAXAT CINA PERLU BANTU KERAJAAN TINGKAT EKONOMI BUMIPUTERA

Mahathir - Cina

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta masyarakat Cina menerima dengan sikap positif usaha kerajaan membantu Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Perdana Menteri berkata Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bertujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di samping mewujudkan peluang yang adil kepada semua pihak.

+Ini sahaja ialah cara yang sesuai bagi menjamin kestabilan dan perpaduan negara pada masa hadapan,+ kata beliau ketika merasmikan Rongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua bertemakan +Pembangunan Nasional Ke Arah Wawasan 2020+ di sini.

Dr Mahathir berkata selaras dengan dasar ini, kerajaan akan terus membantu kaum Bumiputera supaya setanding dengan bukan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Beliau berkata: +Kerajaan mahu mewujudkan masyarakat perniagaan dan perindustrian Bumiputera yang berdaya maju, berdaya saing, dinamik dan progresif setanding dengan masyarakat lain supaya mereka dapat menyumbang secara berkesan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.+ -- Lagi

♥18/08/10-51MST

CNS7308

U GB 18-08 00138 BA819

bah

Mahathir - Cina 2 Kuala Lumpur

+Saya harap masyarakat Cina tidak akan salah anggap perkara ini sebagai satu yang tidak adil kepada mereka,+ kata beliau.

Sebaliknya, mereka diminta menerima perkara ini secara positif -- sebagai usaha ke arah kestabilan politik yang membawa kebaikan jangka panjang kepada negara dan oleh itu memberi kerjasama untuk menjayakannya.

Dr Mahathir berkata :+Ekonomi negara yang berkembang pesat memberikan banyak peluang. Tiada siapa akan rugi jika peluang-peluang ini diagihkan untuk mengimbangkan pembangunan kaum-kaum di Malaysia.+

Beliau berharap kongres anjuran Gabungan Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia itu akan membincangkan cara-cara meningkatkan usahasama antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Perdana Menteri berkata masyarakat Cina perlu meningkatkan usahasama antara Bumiputera dan bukan Bumiputera kerana ia langkah berkesan ke arah mencapai integrasi ekonomi. -- Lagi

♥18/08/10-54MST

CNS7310

U GB 18-08 00129 BA820

bah

Mahathir - Cina 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata interaksi seperti ini akan menghapuskan syak wasangka antara kedua-dua pihak dan mengurangkan perasaan perkauman yang tebal.

+Orang Meiyu dan Bumiputera hendaklah menggunakan usahasama seperti ini sebagai cara untuk mempelajari selok-belok perniagaan dan bukan untuk kaya cepat.

+Orang Cina pula hendaklah menganggap rakan usahasama Melayu sebagai +equal dan real partners+ (rakan setaraf dan tulen) dan bukan sebagai alat untuk mendapatkan kemudahan kerajaan,+ kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata pembangunan ekonomi yang berkekalan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia tidak boleh diasaskan semata-mata kepada faktor ekonomi.

Ia hendaklah dilihat dalam konteks pembinaan negara dan kejayaannya diukur melalui sejauh manaa telah menyumbang ke arah pembangunan nasional, kata Dr Mahathir. -- Lagi

♥18/08/11 -OOMST

CNS7312

U GB 18-08 00155 BA821

bah

Mahathir - Cina 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, +Hanya melalui keadilan ekonomi, kita dapat mencapai objektif Wawasan 2020 sepenuhnya.+

Dr Mahathir juga berkata, semangat kerjasama dan toleransi antara kaum merupakan asas dan syarat mutlak bagi mencapai objektif Wawasan 2020 dan jugahidupmati Malaysia sebagai negara merdeka.

Perdana Menteri berkata semangat kerjasama dan toleransi' ini adalah penting kerana ia dapat menjamin kestabilan dan kemajuan negara.

+Kita telah lihat bagaimana negara-negara lain berpecah dan hancur kerana sikap sesuatu kaum mementingkan diri sendiri tanpa mengira kepentingan golongan lain dan negara keseluruhannya,+ katanya.

Beliau berkata sikap tamak seperti ini merugikan semua pihak dan tidak harus diamalkan di Malaysia yang sedang berusaha untuk membangun secara lebih pesat.

+Jika kndar pertumbuhan yang meningkat lebih 8 peratus sejak 1988 dapat dikekalkan, harapan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 amatlah cerah sekali,+ kata Dr Mahathir. -- Bernama